

NO SOALAN :31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.11.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah tanggungan "Contingency Liability" oleh kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang yang dijamin oleh Kerajaan sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM217.37 bilion. Jaminan Kerajaan diberikan kepada empat badan berkanun dan dua puluh enam anak syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Tujuan jaminan Kerajaan diberikan adalah untuk melaksanakan projek-projek strategik negara yang berimpak tinggi

63
dan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan yang terbahagi kepada sektor pendidikan, perkhidmatan, infrastruktur, kewangan, pegangan pelaburan, dan utiliti.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017
(RABU)**

SOALAN : 32

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf dan menyelenggarakan sistem penyaluran bekalan air bersih di Pulau Banggi yang kini telah terputus dan apakah ada cadangan untuk memperluaskan capaian bekalan air bersih ke seluruh kawasan Pulau Banggi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui semakan dengan pihak Jabatan Air Negeri Sabah, penyaluran bekalan air bersih yang terputus adalah disebabkan oleh tanah runtuh. Kerja-kerja penyambungan sementara telah dilakukan oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan kerja-kerja pembaikan jangka panjang sedang diusahakan oleh pihak JANS.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian ini telah melaksanakan dua (2) buah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Pulau Banggi, Sabah yang bernilai RM 68.72 juta iaitu:

- (i) Projek Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan Loji Bekalan Air di Pulau Banggi, Sabah; dan
- (ii) Projek Penambahbaikan ke Atas Muka Sauk (Intake) Loji Air Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

Bagi projek yang pertama, ianya telah siap sepenuhnya pada 19 Jun 2008 yang melibatkan pembinaan loji rawatan air dan sistem retikulasi ke 17 buah kampung. Manakala projek yang kedua telah siap sepenuhnya pada 23 Jun 2017 dan melibatkan pembinaan tambahan muka sauk, tangki simpanan, rumah pam, tangki pengimbang, pembinaan bangunan genset dan loji rawatan air berkapasiti 5 JLH.

Kementerian ini sentiasa berusaha dan komited dalam menyedia dan meningkatkan kemudahan infrastruktur asas luar bandar di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, buat masa kini cadangan untuk memperluaskan capaian bekalan air bersih ke seluruh kawasan Pulau Banggi tiada di dalam perancangan kementerian ini. Pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar di seluruh Malaysia dan Sabah khususnya dilaksanakan secara berperingkat dan tertakluk kepada senarai keutamaan Jabatan Air Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri serta kedudukan semasa kewangan kerajaan.